

# Banyak cara atasi isu raja: PM

**B.H. 20 JAN 1993**  
KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang menulis semula Perlembagaan untuk menyelesaikan kekusutan berhubung isu Perlembagaan yang berlaku sekarang.

Masih banyak cara yang boleh dilakukan untuk menguatkuasakan undang-undang, katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas hujah Shahidan Kassim (BN-Arau) yang mencadangkan Perlembagaan Persekutuan ditulis semula kerana beberapa perkara di dalamnya dianggap tidak jelas.

"Kita belum sampai kepada peringkat itu sebab masih banyak cara untuk menguatkuasakan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas tamat sidang khas Dewan Rakyat, malam ini.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada perkembangan yang disifatkan sebagai krisis Perlembagaan disebabkan keengganan Majlis Raja-Raja menyetujui draf pindaan yang dikemukakan oleh kerajaan, semalam.

"Rakyat negara ini lebih berminat memantapkan kemakmuran hidup dan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkenan daripada raja-raja hanya diperlukan sekiranya pindaan membatalkan hak keistimewaan raja-raja.

"Bagaimanapun, raja-raja tidak mempunyai keistimewaan untuk melakukan jenayah," katanya.

Beliau sekali lagi menegaskan, pindaan itu tidak bermaksud merampas sebarang hak yang ditetapkan kepada raja-raja, sebaliknya mewujudkan keadaan mengatasi kemungkinan raja-raja melakukan jenayah dan menjelaskan kepada rakyat mengenai hak mereka untuk mencari saluran wajar jika dianiaya oleh raja-raja.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan raja-raja merujuk kes ke mahkamah atas dakwaan hak mereka dirampas, Dr Mahathir berkata: "Raja-raja boleh mempertikaikan keputusan ini dan merujuk ke mahkamah untuk mendapat penjelasan."

Ditanya mengenai tindakan lanjut kerajaan selepas ini, beliau berkata: "Esok ada mesyuarat Dewan Negara."

Mengenai sama ada Sultan Johor dikenakan tindakan mahkamah selepas ini, Dr Mahathir berkata, tindakan hanya dikenakan kepada sebarang kes pada masa akan datang.

Mengulas sikap DAP dan Pas, Perdana Menteri menyifatkan kedua-dua parti itu sebagai tidak berkemampuan untuk memutuskan pendirian masing-masing.